

10/12/1999

Lawatan ke luar negara dikurangkan

Rahman Hashim

MELAKA, Khamis - Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata kerajaan negeri akan mengurangkan program lawatan ke luar negara, dalam usaha menyekat pengaliran keluar wang negara.

Sebaliknya, semua agensi kerajaan negeri digalakkan supaya mengadakan lawatan atau menyertai persidangan yang dianjurkan dalam negara saja.

Menurut Mohd Ali, keputusan mengurangkan program lawatan ke luar negara itu dibuat sewaktu beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengemukakan senarai nama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri, Isnin lalu.

Beliau berkata, walaupun kenyataan Perdana Menteri itu adalah lebih bersifat nasihat, kerajaan negeri akan patuh kerana Dr Mahathir mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negara.

"Oleh itu, saya akan mengarahkan semua agensi kerajaan negeri supaya mengurangkan program percutian atau melawat ke luar negara mulai sekarang.

"Saya juga berharap sektor swasta dapat mencontohi langkah kerajaan negeri ini kecuali jika mereka mempunyai urusan penting di luar negara," katanya di sini, hari ini.

Sementara itu, Mohd Ali berkata, Dewan Undangan Negeri Melaka akan bersidang pada 18 Disember ini bagi melantik Speaker baru serta majlis angkat sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang memenangi pilihan raya tempoh hari.

Katanya, pelantikan Adun Alai, Datuk Amid Nordin sebagai Speaker serta majlis angkat sumpah Adun berkenaan, akan diadakan di hadapan Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabuddin.

Menurut Mohd Ali, DUN Melaka juga akan mengadakan persidangan kedua pada 20 hingga 24 Disember ini untuk membentangkan dan meluluskan belanjawan negeri bagi tahun 2000.

"Belanjawan ini sudah disiapkan oleh kerajaan negeri sebelum ini tetapi ia tidak sempat dibentangkan berikutan pilihan raya umum lalu.

"Oleh itu, saya cuma membentangkan belanjawan ini kepada ahli dewan untuk mendapat kelulusan dan sebarang pindaan atau perubahan, tidak akan dilakukan," katanya.

(END)